## SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 4 /1993

## GARISPANDUAN MEMPERBAIKI IMEJ AMBULANS DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA MENGENAI PIAWAIAN WARNA, LAMBANG, TULISAN DAN JALUR AMBULANS

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk mengwujudkan identiti Perkhidmatan Ambulans kearah imej korporat dengan mengadakan satu piawaian warna, lambang, tulisan dan jalur pada semua ambulans di bawah Kementerian Resihatan Malaysia.

2. LATARBELAKANG

2.1. Pada masa ini semua ambulans yang baru, sebelum dibekalkan akan diwarna serta ditulis pada badan ambulans mengikut satu spesifikasi yang standard. Tetapi keadaan ini biasanya berubah apabila kenderaan atau ambulans dicat semula oleh pihak hospital atau kesihatan. Diantaranya:

2.1.1. Ada ambulans menggunakan lambang Kementerian Kesihatan Malaysia dan dicat dengan warna Royal Ivory, Putih dan Biege.

2.1.2. Logo bulan sabit yang digunakan terdapat dalam berbagai bentuk dan ukuran seperti Bulan Sabit berbentuk setengah/tiga sukul penuh/tebal/nipis.

2.1.3. Tulisan ambulans, hospital dan kementerian di badan ambulans terdapat dalam berbagai bentuk, ukuran dan tidak setempat.

2.1.4. Untuk ambulans khas ( special ambulance terdapat jalur merah ( red stripe ) pada bahagian tengah badan ambulans tetapi tidak pada ambulans biasa.

2.1.5. Terdapat sesetengah ambulans menggunakan tulisan mirror image ' ' snalubma ' pada bahagian hadapan ambulans.

3. SPESIFIKASI

3.1. Untuk mengatasi masalah yang dinyatakan di atas, spesifikasi berikut hendaklah dipatuhi.

a) Rekabentuk warna jalur dan tulisan nama hospital dan kementerian adalah seperti di Lampiran A

b) Rekabentuk bulan sabit, ukuran dan warna tulisan dikekalkan seperti Lampiran A1.

c) Rekabentuk lakaran ambulans dari pandangan tepi, belakang dan bumbung seperti di Lamipiran A2 dan A3.

d) Kedudukan siren dan tulisan ambulans pada siren dikekalkan di tempat yang sama dibahagian atas bumbung tempat duduk hadapan.

e) Tulisan 'mirror image ' 'snalubma' dibahagian hadapan ambulans tidak digunakan lagi.

4. PERLAKSANAAN.

4.1. Ambulans Baru

4.1.1. Semua ambulans baru yang dibekalkan pada tahun ini dan tahun-tahun berikutnya hendaklah menggunakan warna, lambang, jalur dan tulisan ini semasa dibekalkan.

4.2. Ambulans Sediaada

4.2.1. Bagi ambulans yang sedang digunakan sekarang akan terus menggunakan warna yang sama, tetapi dikehendaki menggunakan lambang, jalur dan tulisan baru ini secara berperingkat-peringkat dan perlu diselesaikan penukarannya sebelum akhir bulan Disember 1993.

4.3. Semua Pengarah Perkhidmatan Pertibatan dan Kesihatan Negeri adalah diminta berkerjasama mempastikan bahawa arahan ini dipatuhi sepenuhnya eleh pihak hospital, kesihatan dan pergigian di bawah jagaan masing-masing.

5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan perkara ini hendaklah dimajukan kepada:

Pengarah Perkhidmatan Perubatan

Kementerian Kesihatan Malaysia

Jalan Cenderasari

50590 Kuala Lumpur.

U.p. Encik Hassan b. Ithnin

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

DATO' (DR) ABU BAKAR BIN SULEIMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Kementerian Kesihatan Malaysia.

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)